



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN ANTARA MINAT MEMBACA DENGAN  
PENCAPAIAN BACAAN MEKANIS DI KALANGAN  
MURID TAHUN TIGA: SATU KAJIAN KES**

**AB LATIP BIN IDRIS**

**FPP 1992 2**

**HUBUNGAN ANTARA MINAT MEMBACA DENGAN  
PENCAPAIAN BACAAN MEKANIS DI KALANGAN  
MURID TAHUN TIGA: SATU KAJIAN KES**

**Oleh**

**AB LATIP BIN IDRIS**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-syarat Untuk Mendapatkan  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia.**

**JULAI 1992**



## **PENGHARGAAN**

Penulis bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana akhirnya, tesis ini berjaya disiapkan. Banyak pihak telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis sangat terhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka, terutama:

Kepada Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Dr. Noran Fauziah Bt. Yaakub (pengerusi), Prof. Madya Dr. Hj. Amat Juhari Bin Moain dan Encik Mat Nor Bin Hussin kerana bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini. Kesabaran, minat dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas ini sangat penulis hargai; semoga Allah membalas segala jasa baik mereka itu.

Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Biasiswa dan Bahagian Pendidikan Guru kerana memberikan peluang kepada penulis melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana pada tahun 1990/92.

Kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana membenarkan penulis menjalankan kajian rintis di SRK Seri Bandar, Melaka dan penyelidikan di SRK Jalan Datuk Palembang, Bukit Baru, Melaka.

Kepada Guru-Guru Besar, guru-guru dan murid-murid Tahun Tiga SRK Seri Bandar dan SRK Datuk Palembang, Melaka kerana memberikan kerjasama yang sangat baik.



Kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia, Unit Peperiksaan dan Unit Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana kerjasama dan maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini.

Kepada Puan Hajah Kalthum Mohamed (Pengetua MPPM) dan Tuan Hj. Abd. Kadir Amin (Ketua Jabatan Pengajian Melayu, MPPM) kerana dorongan, galakan dan bantuan yang diberikan.

Kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, rakan-rakan program Master Sains di UPM, rakan-rakan di MPPM, Melaka dan sesiapa sahaja kerana turut menyumbang dan membantu secara langsung atau tidak dalam menyempurnakan tesis ini.

Akhir sekali, penyempurnaan tesis ini hanya dapat menjadi kenyataan kerana inspirasi dan sokongan yang berterusan daripada isteri tersayang, Azizah Bt. Mamat, anak-anak yang dikasihi, abah dan emak yang sentiasa mendoakan kejayaan penulis. Kepada mereka semua, penulis mengabadikan tesis ini.



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	ix
SENARAI RAJAH .....	xi
SENARAI SINGKATAN .....	xii
ABSTRAK .....	xiii
ABSTRACT .....	xv
 <b>BAB</b>	
I PENDAHULUAN .....	1
Kurikulum Baru Sekolah Rendah .....	1
Penilaian dalam KBSR .....	3
Pernyataan Masalah .....	6
Kepentingan Kajian .....	7
Soalan Penyelidikan .....	8
Objektif Kajian .....	9
Batasan Kajian .....	10
II SOROTAN KARYA YANG BERKAITAN .....	11
Konsep Membaca .....	11
Model-Model Teoritis Pencapaian Bacaan .....	12
Teori Behaviorisme Tentang Pencapaian Bacaan .....	14
Teori Kognitif tentang Pencapaian Bacaan .....	17
Kerangka Konseptual untuk Pencapaian Bacaan .....	20
Bacaan Mekanis dan Pencapaian .....	21
Tahap Bacaan Bebas .....	24
Tahap Bacaan Pengajaran .....	24
Tahap Bacaan Kecewa .....	25
Status Sosioekonomi dan Bacaan .....	28
Umur dan Bacaan .....	29
Jantina dan Bacaan .....	30

Minat dan Bacaan .....	31
Kajian-Kajian Tentang Penguasaan Bacaan Asas .....	34
Kajian-Kajian Tentang Bacaan di Malaysia .....	38
Rumusan .....	42
<b>III KAEDAH DAN PROSEDUR PENYELIDIKAN .....</b>	<b>45</b>
Kerangka Teoritis .....	45
Model Regresi Berganda .....	45
Rancangan Penyelidikan .....	47
Hipotesis .....	47
Pengukuran Pembolehubah .....	48
Minat Membaca .....	48
Pencapaian Bacaan Mekanis .....	48
Pembolehubah Sandar .....	49
Pencapaian Bahagian Penyebutan .....	49
Pencapaian Bahagian Pemahaman .....	50
Pembolehubah Bebas .....	51
Status Sosioekonomi .....	51
Jantina .....	52
Umur .....	52
Minat Membaca .....	52
Instrumentasi .....	52
Soal Selidik .....	52
Bahan Ujian .....	53
Borang Pemerhatian .....	55
Temu Bual .....	55
Tempat Kajian .....	55
Subjek Kajian .....	56
Prosedur Mendapatkan Data .....	57
Prosedur Mengumpulkan Maklumat .....	57
Prosedur Mentadbirkan Instrument .....	57
Pemprosesan dan Analisis Data .....	60
<b>IV HASIL KAJIAN .....</b>	<b>62</b>
Profil Subjek Kajian .....	62
Kegiatan Membaca .....	65
Minat Membaca .....	73
Minat Membaca dan Umur .....	75
Minat Membaca dan Jantina .....	75
Minat Membaca dan Status Sosioekonomi .....	76
Pencapaian Bahagian Penyebutan .....	78
Pencapaian Penyebutan dan Umur .....	78
Pencapaian Penyebutan dan Jantina .....	80
Pencapaian Penyebutan dan Status Sosioekonomi .....	80
Pencapaian Penyebutan dan Minat Membaca .....	81
Keputusan Regresi bagi Pencapaian Penyebutan .....	81

Pencapaian Bahagian Pemahaman .....	84
Pencapaian Pemahaman dan Umur .....	84
Pencapaian Pemahaman dan Jantina .....	84
Pencapaian Pemahaman dan Status Socioekonomi .....	86
Pencapaian Pemahaman dan Minat Membaca .....	86
Keputusan Regresi bagi Pencapaian Pemahaman .....	88
Analisis Kesalahan Bahagian Penyebutan .....	90
Meninggalkan Suku Kata atau Perkataan (K1) .....	92
Menambah Suku Kata atau Perkataan (K2) .....	92
Salah Menyebut Suku Kata atau Perkataan (K3) .....	92
Menggantikan Perkataan (K4) .....	92
Membaca Terbalik (K5) .....	93
Tidak Dapat Menyebut Suku Kata atau Perkataan (K6) .....	93
Mengulang Suku Kata, Perkataan atau Frasa (K7) .....	93
Membetulkan Kesalahan (K8) .....	93
Tidak Menghiraukan Tanda Baca (K9) .....	93
Teragak-agak (K10) .....	94
Kurang Lancar (K11) .....	94
Analisis Pencapaian Bahagian Pemahaman .....	94
Menyenaraikan Watak .....	96
Maklumat Tentang Watak .....	96
Cerita Semula .....	96
Tema Cerita .....	97
Analisis Tingkah Laku Murid .....	97
Analisis Tahap Bacaan Murid .....	98
Analisis Bahan Ujian .....	98
Laporan Kualitatif Pencapaian Bacaan Mekanis .....	99
Murid Pencapaian Rendah .....	99
Murid Pencapaian Tinggi .....	102

<b>V RINGKASAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>104</b>
Ringkasan .....	104
Masalah .....	104
Objektif .....	105
Data, Alat dan Analisis .....	105
Keputusan .....	108
Perbincangan .....	114
Kesimpulan .....	124
Cadangan .....	125

<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>128</b>
<b>Rujukan Tambahan .....</b>	<b>135</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
<b>A Soal Selidik dan Kad Gambar untuk         Item Minat Membaca .....</b>	<b>138</b>
<b>B Bahan Ujian .....</b>	<b>145</b>
<b>C Jadual-Jadual Tambahan .....</b>	<b>163</b>
<b>LATAR DIRI .....</b>	<b>168</b>





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Bilangan Murid yang Gagal Dalam Kertas Pemahaman Bahasa Malaysia UPSR Perantaraan Bahasa Malaysia .....	5
2	Tahap Bacaan Mengikut Brown .....	26
3	Tahap Bacaan Mengikut Powell .....	26
4	Tahap Bacaan Mengikut McCormick .....	27
5	Min Pencapaian Bacaan Murid Umur 9 Tahun .....	30
6	Tahap Pendidikan Ibu Bapa .....	64
7	Bahan Bacaan yang Sangat Digemari .....	66
8	Waktu Membaca di Sekolah .....	67
9	Waktu Membaca di Rumah .....	67
10	Tempat Membaca .....	68
11	Sebab Membaca .....	68
12	Membaca pada Waktu Lapang .....	69
13	Kemahiran Bahasa Malaysia yang Sangat Digemari .....	69
14	Jenis Cerita yang Digemari .....	70
15	Peluang Membaca Bahan Bacaan yang Digemari .....	72
16	Peringkat Minat Membaca Murid .....	75
17	Minat Membaca dan Status Sosioekonomi .....	77
18	ANOVA bagi Minat Membaca dengan Status Sosioekonomi .....	77
19	Korelasi Skor Minat Membaca dengan Bilangan Buku, Pencapaian Bahagian Penyebutan dan Pemahaman .....	78

20	ANOVA bagi Pencapaian Penyebutan dengan Status Sosioekonomi .....	81
21	Keputusan Regresi bagi Pencapaian Penyebutan .....	82
22	Analisis Regresi bagi Pencapaian Penyebutan .....	82
23	Pencapaian Pemahaman dan Status Sosioekonomi .....	87
24	ANOVA bagi Pencapaian Pemahaman dengan Status Sosioekonomi .....	87
25	Keputusan Regresi bagi Pencapaian Pemahaman .....	88
26	Analisis Regresi bagi Pencapaian Pemahaman .....	89
27	Tahap Bacaan Murid .....	98
28	Pekerjaan Ibu Bapa .....	164
29	Jumlah Buku yang Dibaca Sepanjang Tahun Tiga .....	155



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kerangka Teoritis Kajian .....	46
2	Taburan Skor Minat Membaca .....	74
3	Taburan Skor Bahagian Penyebutan .....	79
4	Taburan Skor Bahagian Pemahaman .....	85
5	Analisis Kesalahan Bahagian Penyebutan .....	91
6	Analisis Pencapaian Bahagian Pemahaman .....	95



## **SENARAI SINGKATAN**

<b>3M</b>	<b>:</b>	<b>Membaca, Menulis dan Mengira</b>
<b>KBSR</b>	<b>:</b>	<b>Kurikulum Baru Sekolah Rendah</b>
<b>KLSR</b>	<b>:</b>	<b>Kurikulum Lama Sekolah Rendah</b>
<b>R-O-G</b>	<b>:</b>	<b>Rangsangan-Organisme-Gerak Balas</b>
<b>PKBS</b>	<b>:</b>	<b>Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah</b>
<b>PTB</b>	<b>:</b>	<b>Potensi Tindak Balas</b>
<b>R-G</b>	<b>:</b>	<b>Rangsangan-Gerak Balas</b>
<b>SES</b>	<b>:</b>	<b>Status Sosioekonomi Pertengahan</b>
<b>SS</b>	<b>:</b>	<b>Status Sosioekonomi Tinggi</b>
<b>SRK</b>	<b>:</b>	<b>Sekolah Rendah Kebangsaan</b>
<b>UPSR</b>	<b>:</b>	<b>Ujian Penilaian Sekolah Rendah</b>
<b>URK</b>	<b>:</b>	<b>Ujian Rujukan Kriteria</b>

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat keperluan ijazah Master Sains.

**HUBUNGAN ANTARA MINAT MEMBACA DENGAN  
PENCAPAIAN BACAAN MEKANIS DI KALANGAN  
MURID TAHUN TIGA: SATU KAJIAN KES**

Oleh

**AB LATIP BIN IDRIS**

**JULAI 1992**

**Pengerusi: Noran Fauziah Bt Yaakub, Ph.D.**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Satu kajian tentang pencapaian bacaan di peringkat awal perlu dijalankan memandangkan masih ramai murid sekolah rendah perantaraan Bahasa Malaysia gagal dalam kertas pemahaman Bahasa Malaysia Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah untuk mengukur pencapaian murid-murid Tahun Tiga dalam penguasaan bacaan mekanis dan hubungannya dengan minat membaca.

Subjek kajian terdiri daripada 177 orang murid Melayu, lelaki dan perempuan dari Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Datuk Palembang, Bukit Baru, Melaka.

Empat kaedah digunakan untuk mengumpulkan data, iaitu bahan ujian, soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Bahan ujian yang digunakan untuk mendapatkan skor pencapaian bacaan mekanis berupa petikan bacaan dan soalan-soalan pemahaman. Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang profil murid, kegiatan dan minat membaca.



Pemerhatian dilakukan untuk mencatatkan tingkah laku murid semasa membaca. Teknik temu bual digunakan untuk mendapatkan maklumat lanjutan berkaitan dengan murid pencapaian tinggi dan rendah.

Untuk menentukan pencapaian bacaan mekanis, penyelidik menggunakan dua kriteria, iaitu penyebutan dan pemahaman. Empat pemboleh-ubah bebas digunakan, iaitu umur, jantina, status sosioekonomi dan minat membaca.

Data dianalisis dengan menggunakan analisis univariat, bivariat dan multivariat. Teknik deskriptif dan analitikal digunakan untuk tujuan tersebut.

Keputusan kajian menunjukkan minat membaca mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian bacaan mekanis. Kebanyakan murid tergolong dalam peringkat minat membaca sederhana. Murid daripada kumpulan status sosioekonomi lebih tinggi memperoleh skor minat membaca dan skor pencapaian bacaan mekanis yang lebih tinggi berbanding dengan mereka yang datang daripada kumpulan status sosioekonomi lebih rendah. Pencapaian murid dalam bahagian penyebutan lebih baik daripada bahagian pemahaman. Kebanyakan murid berada pada tahap bacaan pengajaran.

Penemuan kajian ini mencadangkan guru-guru Bahasa Malaysia perlu memberikan perhatian yang wajar kepada minat membaca murid-murid mereka sekiranya pencapaian bacaan mekanis mahu ditingkatkan. Oleh itu, mereka seharusnya dapat mengenal pasti minat murid-murid. Maklumat ini berguna untuk memilih bahan bacaan yang diminati oleh murid. Di samping itu, mereka juga dapat mencadangkan bahan-bahan bacaan yang sesuai dan diminati oleh murid di perpustakaan sekolah.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian Malaysia as partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**THE RELATIONSHIP BETWEEN READING INTEREST  
WITH ACHIEVEMENT IN MECHANICS OF READING  
AMONGST STANDARD THREE PUPILS: A CASE STUDY**

**By**

**AB LATIP BIN IDRIS**

**JULY 1992**

**Chairperson: Noran Fauziah Bt Yaakub, Ph.D.**

**Faculty: Educational Studies**

A research on reading achievement at the early stage has to be carried out because many primary school pupils of Bahasa Malaysia medium schools still failed in Bahasa Malaysia comprehension paper of Primary School Assessment Test. Therefore, the purpose of this study is to measure the achievement of standard three pupils in mastering the mechanics of reading and its relationship with reading interest.

The subjects of the research comprised 177 Malay pupils, boys and girls from Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Datuk Palembang, Bukit Baru, Melaka.

Four methods were used in collecting the data, viz., test material, questionnaire, observation and interview. The test material that was used to gather the mechanics of reading achievement score consisted of reading material and comprehension questions. This study used the questionnaire to gather information on pupils' profile, reading activities and reading interest.



Pupils' behaviour during reading sessions was recorded through observation. To gather more information regarding pupils of high and low achievement, the interview technique was used.

To determine the achievement in mechanics of reading, the researcher used two criteria, that is, pronunciation and comprehension. Four independent variables were used, viz., age, sex, socio-economic status and reading interest.

Univariate, bivariate and multivariate analyses were used to analyse the data. Descriptive and analytical techniques were used for that purpose.

The result of the research showed that reading interest had a significant relationship with the achievement in mechanics of reading. The majority of the pupils have moderate interest in reading. Pupils from higher socio-economic status group scored higher in reading interest and achievement in mechanics of reading as compared to pupils from the lower socio-economic status group. Pupils' achievement in the pronunciation section was better than in the comprehension section. Most pupils could be grouped under the instructional reading level.

The findings of the study suggest that Bahasa Malaysia teachers have to give due attention to the pupils' reading interest, if achievement in the mechanics of reading is to be improved. It is therefore suggested that they identify pupils' interest. Such information is useful in selecting reading materials that are of interest to pupils. In addition, teachers are able to suggest suitable reading materials that are of interest to pupils in the school library.



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Kurikulum Baru Sekolah Rendah**

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 1982 bertujuan membawa pembaharuan kepada pendidikan negara. Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) didapati mempunyai kelemahan dan kekurangan. KLSR berupa pendidikan umum yang terlalu memberatkan sifat akademik, amat padat dan berdasarkan kepada mata pelajaran, dan bukan kepada jenis-jenis kemahiran yang diterima sebagai kemahiran asas untuk peringkat itu (Malaysia, Kementerian Pelajaran, 1979: 18).

Matlamat KBSR ialah untuk memberikan asas pendidikan yang kukuh, terutama dalam tiga kemahiran asas, iaitu Membaca, Menulis dan Mengira (3M) di peringkat sekolah rendah (Musa Hitam, 1982a: 11). Tiga kemahiran asas ini membolehkan murid, dalam proses mengikuti mata pelajaran, memahami alam sekitarnya, memahami budayanya, dan lebih penting lagi menghayati, menghormati dan mematuhi norma-norma dan nilai-nilai masyarakat (Musa Hitam, 1982b: 15). Jelaslah KBSR bukan sahaja memberikan pengetahuan berbentuk akademik tetapi turut memupuk kemahiran asas 3M, serta memperkukuh kemahiran tersebut melalui pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan (Ibrahim Saad, 1982: 138).

3M merupakan teras pendidikan di peringkat sekolah rendah dan boleh dikatakan sebagai anak kunci kepada khazanah ilmu (Amir Awang, 1982: 152). Kejayaan 3M di peringkat awal pendidikan sekolah rendah perlu

diberikan perhatian yang wajar untuk menjamin kejayaan pembelajaran di peringkat lebih tinggi. Kebolehan murid menguasai 3M akan menjamin keupayaan serta kemampuan murid untuk terus mempelajari bidang kurikulum yang lebih luas di tahun-tahun dan tahap yang berikutan.

Sekiranya murid gagal menguasainya pada Tahap I (Tahun 1 hingga Tahun 3), maka kebolehan mereka mengikuti pelajaran selanjutnya akan terjejas (Ghazali Othman, 1980). Dengan kata lain, kebolehan membaca di peringkat awal (Tahap I) merupakan satu aset kepada murid ke arah perkembangan, kemajuan dan pencapaian dalam pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya.

KBSR yang memberikan tumpuan kepada 3M diharapkan dapat mengatasi masalah membaca di kalangan murid sekolah rendah. KLSR hanya memberikan tumpuan masa sebanyak 58 peratus seminggu kepada pengajaran kemahiran 3M, manakala KBSR memberikan tumpuan masa yang lebih, iaitu 64.6 peratus (930 minit pada Tahap II) hingga 72.2 peratus (1020 minit pada Tahap I) seminggu kepada kemahiran tersebut. Selain itu, KBSR juga memberikan penekanan kepada dua unsur baru, iaitu aktiviti pemulihan dan pengayaan. Kedua-dua aktiviti ini merupakan sebahagian daripada program pengajaran bahasa dan perlu diberikan kepada murid. Dengan kelebihan yang ada pada KBSR ini, dipercayai pencapaian kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah dapat ditingkatkan.

Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia KBSR memberikan penekanan yang khusus kepada bacaan mekanis. Satu daripada lapan objektif program Bahasa Malaysia yang tercatat dalam sukatan tersebut ialah:

Membaca kuat dan senyap untuk memahami isi-isi bacaan yang sesuai dengan kematangan mereka dan menjadikan pembacaan sebagai satu kebiasaan dan amalan bagi mendapatkan pengetahuan dan hiburan.

(Malaysia, Kementerian Pelajaran, 1982b: 3)

Sebanyak empat puluh lima (45) kemahiran bacaan mekanis telah disenaraikan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia KBSR. Murid perlu menguasai kesemua kemahiran tersebut sepanjang enam tahun persekolahan rendah. Kemahiran ini penting dalam pengajaran Bahasa Malaysia KBSR kerana ia merupakan kemahiran membaca peringkat awal lagi asas (Atan Long, 1986).

### **Penilaian dalam KBSR**

Kebolehan membaca dalam Bahasa Malaysia khususnya, merupakan satu kemahiran yang paling asas lagi penting dalam keseluruhan KBSR. Satu daripada asas penilaian orang ramai, terutama sekali ibu bapa, terhadap KBSR ialah kejayaan KBSR itu mendidik murid-murid supaya boleh membaca dengan baik.

Penilaian harus merupakan pusat bagi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Azman Wan Chik, 1982). Menilai kemajuan murid merupakan salah satu daripada tugas utama seorang guru. Gambaran yang jelas tentang kedudukan murid dan bagaimana ia maju adalah perkara pokok kepada pembelajaran yang berkesan bagi seseorang murid (Thorndike dan Hagen, 1969).

Dalam KLSR, pencapaian murid di sekolah rendah dilihat melalui Ujian Diagnostik Darjah Tiga dan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Kedua-dua penilaian ini telah dihapuskan apabila KBSR dilaksanakan kerana

penilaian tersebut hanya menjadi ujian untuk melihat pencapaian murid semata-mata. Aspek untuk mendapatkan maklumat balik tentang kekuatan dan kelemahan murid dalam mata pelajaran asas serta mengesan daerah-daerah kelemahan murid yang memerlukan pemulihan tidak diambil kira (Omar Mohd. Hashim, 1989: 11).

Kementerian Pendidikan Malaysia menyarankan penilaian hendaklah disepadukan dengan semua aktiviti dalam bilik darjah supaya murid dapat dibantu dan pengajaran guru dapat ditingkatkan keberkesannya. Selain itu, maklumat tentang taraf pencapaian dan darjah pertumbuhan murid turut diperoleh (Malaysia, Kementerian Pelajaran, 1981).

KBSR memperkenalkan sistem penilaian yang baru yang tidak lagi berpusat di peringkat kebangsaan pada tahun-tahun awal persekolahan, iaitu dari Tahun Satu hingga Tahun Lima. Dalam tahun-tahun tersebut, Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) diadakan. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) diadakan pada peringkat akhir Tahun Enam. Ujian Rujukan Kriteria (URK) digunakan dalam KBSR kerana pencapaian murid tidak lagi dilihat dari perbandingan dengan rakan sebayanya, tetapi dilihat berdasarkan suatu kriteria atau tahap penguasaan yang patut dicapai oleh murid itu pada peringkat pembelajaran yang berkenaan. Dalam bidang bacaan, penilaian untuk menentukan pencapaian bacaan di kalangan murid sekolah rendah dilakukan dengan dua cara, iaitu penilaian cara formatif dan penilaian cara sumatif. Secara ringkasnya, penilaian formatif bertujuan untuk mengesan dengan serta merta perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran sama ada perkembangan itu positif atau negatif, manakala penilaian sumatif bertujuan untuk mengesan secara menyeluruh taraf pencapaian murid pada akhir sesuatu pembelajaran (Malaysia, Kementerian Pelajaran, 1981: 42).

Penilaian dalam KBSR adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Para guru haruslah menerima hakikat ini dan memahami sistem penilaian ini secara terperinci supaya kesediaan dan kemahiran asas yang diajarkan diperhatikan secara berterusan agar kelemahan-kelemahan murid dapat dikesan, diatasi dan tidak terhimpun.

Penilaian bacaan pemahaman yang dilakukan kepada murid-murid Tahun Enam perantaraan Bahasa Malaysia (sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan) melalui UPSR menunjukkan masih ramai murid belum dapat menguasai kemahiran bacaan tahap minimum (Jadual 1). Keputusan ini sungguh mengecewakan dan tidak seharusnya terjadi setelah enam tahun mereka mengikuti KBSR yang menitikberatkan 3M, khususnya membaca.

**Jadual 1**

**Bilangan Murid yang Gagal dalam Kertas  
Pemahaman Bahasa Malaysia UPSR  
Perantaraan Bahasa Malaysia**

Tahun	Peringkat			
	Kebangsaan	(%)	Negeri Melaka	(%)
1989	75187	(30.0)	1634	(23.1)
1990	38606	(15.4)	591	(12.1)
1991	65140	(24.5)	1345	(18.3)

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia dan  
Unit Peperiksaan Jabatan Pendidikan Melaka

### **Pernyataan Masalah**

Semenjak pelaksanaan KBSR pada tahun 1982, kajian-kajian tentang pencapaian bacaan kurang dijalankan. Kajian tentang pencapaian bacaan mekanis di peringkat Tahap I boleh dikatakan belum ada yang melakukannya. Seharusnya, penilaian pencapaian bacaan perlu dilakukan di peringkat awal lagi agar kelemahan dalam kemahiran bacaan tidak terhimpun dan menyukarkan pembelajaran seterusnya.

Sejak zaman-berzaman, membaca dan kebolehan membaca sentiasa dipandang penting kerana peranannya yang besar dalam kehidupan manusia. Berdasarkan analisis pencapaian mata pelajaran Bahasa Malaysia kertas pemahaman dalam UPSR di sekolah-sekolah perantaraan Bahasa Malaysia, didapati bilangan murid yang gagal (mendapat gred D dan E) besar jumlahnya (Jadual 1). Mereka dikatakan belum menguasai kemahiran bacaan tahap minimum.

Kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dengan baik di peringkat sekolah rendah perlu dilihat dengan serius, dikaji dan dicari jalan untuk mengatasinya. Masalah tidak boleh dan tidak cekap membaca boleh memberikan kesan buruk kepada murid dari segi akademik dan psikologi. Dari segi akademik, mereka akan ketinggalan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pembelajaran mereka dalam mata-mata pelajaran yang lain juga akan turut terjejas kerana tidak dapat memahami bahan yang dibaca dan seterusnya akan menyebabkan pencapaian mereka rendah. Dari segi psikologi pula, kegagalan itu akan membuatkan mereka berasa kecewa, bosan dan tidak gemar membaca. Berdasarkan hujah-hujah di atas, satu kajian tentang pencapaian bacaan mekanis di kalangan murid Tahun 3 perlu dijalankan.

## **Kepentingan Kajian**

Pengesanan awal tentang penguasaan kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah berdasarkan pencapaian mereka dalam bacaan adalah sangat penting bagi membantu, memulih dan mencegah kelemahan mereka dalam bacaan. Justeru itu, kajian ini akan dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan dan kekuatan-kekuatan murid dalam kemahiran membaca di peringkat awal lagi selaras dengan matlamat KBSR, iaitu murid yang lemah dibantu untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan sementara yang cerdas dan maju diperkaya lagi dengan kemahiran-kemahiran dan ilmu pengetahuan yang lain. Kebolehan membaca di peringkat awal ini juga merupakan detik permulaan 'Pendidikan Seumur Hidup'.

Selain itu, kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh beberapa pihak. Pertama ialah Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Lembaga Peperiksaan. Prosedur dan dapatan daripada kajian ini boleh dipertimbangkan dalam usaha membina alat ujian dan menilai murid-murid sekolah rendah dalam kemahiran bacaan mekanis.

Kedua, Pusat Perkembangan Kurikulum boleh menjadikan kajian ini sebagai asas dalam usaha memberikan maklumat, bimbingan dan panduan kepada guru Bahasa Malaysia cara menjalankan penilaian kemahiran bacaan mekanis.

Ketiga, kepada para guru, kajian ini akan dapat memberikan maklumat tentang kemahiran bacaan mekanis dan cara penilaian pencapaian murid dalam kemahiran tersebut boleh dilaksanakan.

Keempat, kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh maktab-maktab perguruan dalam program melatih guru-guru pelatih tentang kemahiran bacaan mekanis dengan lebih berkesan.

### **Soalan Penyelidikan**

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- (1) Sejauh manakah minat membaca ada pada murid-murid Tahun Tiga?
- (2) Bagaimanakah minat membaca di kalangan murid Tahun Tiga berbeza mengikut beberapa pembolehubah klasifikasi, iaitu umur, jantina dan status sosioekonomi?
- (3) Sejauh manakah murid-murid Tahun Tiga dapat menguasai kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman setelah tiga tahun mengikuti program bacaan?
- (4) Sejauh manakah minat membaca mempengaruhi pencapaian murid-murid Tahun Tiga dalam menguasai kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman?
- (5) Bagaimanakah penguasaan kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman di kalangan murid Tahun Tiga berbeza mengikut beberapa pembolehubah klasifikasi?
- (6) Apakah kesalahan bacaan mekanis bahagian penyebutan yang dilakukan oleh murid?



- (7) Apakah kelemahan murid dalam bacaan mekanis bahagian pemahaman?
- (8) Apakah tahap bacaan murid?

### **Objektif Kajian**

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengukur pencapaian murid-murid Tahap I, khususnya murid-murid Tahun Tiga, dalam penguasaan kemahiran bacaan mekanis dari segi beberapa pembolehubah bebas.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk:

- (1) mengukur minat membaca di kalangan murid Tahun Tiga;
- (2) menerangkan hubungan antara minat membaca di kalangan murid Tahun Tiga dengan beberapa pembolehubah klasifikasi, iaitu umur, jantina dan status sosioekonomi;
- (3) mengukur pencapaian murid-murid Tahun Tiga dalam penguasaan kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman;
- (4) menerangkan hubungan antara minat membaca dengan pencapaian murid-murid Tahun Tiga dalam kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman;
- (5) menerangkan pencapaian murid-murid Tahun Tiga dalam kemahiran bacaan mekanis bahagian penyebutan dan pemahaman berdasarkan beberapa pembolehubah klasifikasi;